

SIDANG DUN KEDAH

Kos meningkat punca rumah PPR Jerlun dikurangkan

➔ Hanya 630 unit sahaja dibina kepada warga Jerlun

Oleh Adha Ghazali dan Petah Wazzan Iskandar
bhnews@bh.com.my

Alor Setar

Pertambahan kos menjadi antara punca jumlah rumah mampu milik melalui Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jerlun, dekat sini, terpaksa dikurangkan daripada 700 unit kepada 630 unit sahaja.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga negeri, Datuk Badrul Hisham Has-

him, berkata pengurangan itu bukan bermakna kerajaan negeri tidak memberi tumpuan kepada warga Jerlun, sebaliknya sentiasa komited dalam memastikan sasaran menyediakannya keseluruhan 40,000 rumah mampu milik di Kedah tercapai.

Beliau ketika menjawab soalan tambahan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Hitam, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, mengesahkan perancangan awal 1,000 unit rumah PPR akan dibangunkan dengan 700 daripadanya di Jerlun dan selebihnya 300 lagi di Kuala Nerang.



Badrul Hisham (tengah) ketika membahaskan isu pada Sidang DUN Kedah di Alor Setar, semalam.

"Kami rancang nak bangunkan 700 di Jerlun, tetapi kos bertambah terutama akibat kerja menambun tanah menyebabkan jumlah unit rumah dikurangkan kepada 630 unit sahaja.

Perkenal konsep sewa beli

"Mengenai kebimbangan berhubung kualiti rumah mampu milik, kami akan memastikan aspek itu diutamakan terutama apabila pihak kontraktor iaitu BDB Synergy Sdn Bhd adalah anak syarikat kerajaan negeri," katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, di sini, se-

malam. Menjawab soalan lisan ADUN Kota Siputeh, Abu Hasan Sarif, Badrul Hisham berkata kerajaan negeri memperkenalkan konsep rent to own (sewa untuk beli) bagi mengatasi isu kesukaran golongan sar mendapatkan pinjaman.

"Bagi PPR Jerlun yang akan dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, pada 21 Ogos ini, kita akan berikan keutamaan kepada warga Jerlun untuk memiliki rumah berharga RM106,000 pada harga antara RM35,000 hingga RM40,000 sahaja.



(FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH)

Ku Abd Rahman menunjukkan buku pelan induk pembangunan Bandar Bebas Cukai di Bukit Kayu Hitam.

Bukit Kayu Hitam berpotensi besar

Alor Setar: Pembangunan bandar bebas cukai di Bukit Kayu Hitam, dekat sini, mampu melonjak kawasan sempadan Malaysia-Thailand itu seperti Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor.

Perkara itu dinyatakan Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Koperasi serta Segitiga Pertumbuhan Indonesia-

Malaysia-Thailand (IMT-GT) negeri, Datuk Dr Ku Abdul Rahman Ku Ismail, berpandukan status projek itu yang dibangunkan di kawasan sempadan yang disifatkan sebagai dinamik.

Tarik pelancong Thailand

"Motif utama kita nak bangun Bukit Kayu Hitam dan tarik pelancong terutama dari Thailand yang mempunyai lebih 70 juta penduduk menjanjikan po-

tensi cukup besar dalam membantu melonjak nilai pembangunan kasar negeri.

"Bukit Kayu Hitam ialah bandar sempadan dinamik dan ada persamaan dengan Iskandar (WPI) di Johor. Kalau WPI boleh maju, takkan Bukit Kayu Hitam tak boleh kita jayakan.

"Saya yakin dengan keluasaan 4,736 hektar yang merangkumi pelbagai pembangunan termasuk Taman Teknologi Sains Kedah (RSTP), Bukit Kayu

Hitam mampu kita bangunkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan Datuk Ahmad Zaini Japar (BN-Bukit Kayu Hitam) pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, di sini, semalam.

Beliau berkata, pelan induk projek yang diluluskan melalui Mesyuarat EXCO Kedah pada 2016 itu kini siap dan sudah diluluskan jawatankuasa perancangan negeri.

TTF STORAGE SYSTEMS ideal for space ISO 9001: 2008 UKAS

PAKAR DALAM SEMUA JENIS SISTEM RAK
PERCUMA Pelan Lukisan 3D & Perundingan

Rak Simple

200kg
200kg
200kg
200kg

5 Saiz

Tahan Karat

Cermin Cembung Keluli

SISTEM RAK

Rak Biasa

Rangkaian Panjang Ideal

Rak Palet Tugas Berat (3000 kg)

Tingkat Gondola

Bekas Tawaran

Jaringan Dawai Berikat

Bakul Runcit Berdawai

Almari Besi Pemfalsihan

Almari Pintu Keluli

Kabinet Pejabat

BT 204 Trolis Buku

www.TTF.com.my

TTF MARKETING HOLDINGS S/B
Lot 6, Jalan Perusahaan 1, PKNS, Batu 17, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
E-mail: ttf@ttfgroup.com **Talian: 03-6091 8800**
Semestara stok masih ada. *Tama & Syarif